

SWS DAN MEDIA

20

SENTRAL

Rabu
27 Julai 2011

BERITA HARIAN

MAIS dapat dana wakaf RM20 juta

Tokoh korporat serah tanah bernilai RM5j majukan pembangunan MTMU

Oleh Siti Sofia Md Nasir
bhnews@bharan.com.my

SHAH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima tiga bidang tanah bernilai hampir RM5 juta dan dana wakaf khas berjumlah RM20 juta daripada tokoh korporat, Datuk SM Shalahuddin SM Amin bagi memajukan pembangunan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU) di Hulu Langat.

SM Shalahuddin yang juga Penasihat dan Penaung kepada Jawatankuasa Pembangunan MTMU menyerahkan tanah dan dana wakaf itu dalam satu majlis khas di Bangunan Sultan Idris Shah, di sini, petang kelmarin.

Sumbangan diterima Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa selaku pemegang amanah tunggal wakaf di Selangor dengan disaksikan Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Datuk Ramli Mahmud.

Adzib berkata, dana wakaf khas itu akan diletakkan dalam satu tabung khas yang dipantau dan diurus penguasaan wangnya mengikut

syarat dan kehendak pewakaf iaitu bagi membangunkan MTMU.

"Keseluruhan projek ini membabitkan kos RM57 juta. Sumbangan yang diterima menjadikan jumlah dana terkini RM20.35 juta dan MTMU masih memerlukan sokongan daripada semua pihak untuk merealisasikan projek ini.

"Apabila siap sepenuhnya, MTMU yang baru bakal menempatkan 1,200 pelajar berbanding 400 pelajar sekarang," katanya.

Mohamad Adzib berkata, pihak MTMU berharap agar individu dan korporat dapat memberikan sokongan kepada projek itu dalam usaha melahirkan lebih ramai tahfiz

Sumbangan yang diterima menjadikan jumlah dana terkini RM20.35 juta dan MTMU masih memerlukan sokongan daripada semua pihak untuk merealisasikan projek ini

Mohamad Adzib Mohd Isa
Pengerusi MAIS



MOHAMAD ADZIB (kiri) menerima replika cek dana dan tanah wakaf yang disampaikan oleh SM Shalahuddin di Shah Alam.

al-Quran di negara ini.

SM Shalahuddin adalah adik kepada tokoh perniagaan terkenal, Allahyarham Tan Sri SM Nasimuddin dan peneraju bersama dalam

penubuhan NAZA Motor Trading Berhad.

Kini SM Shalahuddin menubuhkan rangkaian syarikat di bawah nama Kumpulan Syarikat-Syarikat SMS yang

terbabit dalam perniagaan import dan pengedaran kereta mewah, pengedaran alat ganti kereta, pembangunan serta hartanah, pengangkutan awam dan insurans.

Skim Infaq galak penjawat awam, swasta amalkan wakaf

SHAH ALAM – Kakitangan awam dan swasta digalak menyertai Skim Infaq iaitu skim potongan gaji wakaf anjuran Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mengumpul dana meningkatkan kemudahan seperti sekolah agama dan masjid.

Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor, Datuk Ramli Mahmud berkata, skim tersebut merupakan penjenamaan baru daripada Saham Wakaf Selangor bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang tanggungjawab wakaf.

Menurutnya, program itu adalah salah satu rancangan yang terdapat dalam Bulan Wakaf negeri Selangor.

"Sejak mula diperkenalkan pada 2009 melalui Saham Wakaf Selangor dan dinamakan semula melalui Skim Infaq, sambutan yang diterima kurang memberangsangkan.

"Dianggarkan hanya 10 peratus masyarakat Selangor yang terlibat dalam program itu dan PWS sedang menggiatkan usaha meningkatkan kesedaran melalui seminar dan taklimat," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Katanya, skim ini tidak hanya memfokuskan kepada golongan berpendapatan tinggi tetapi turut membolehkan penglibatan golongan sederhana dan kurang berkemampuan melalui pemotongan gaji serendah



Ramli (dua, kanan) bersama Khusrin semasa pelancaran program, semalam.

Sejak mula diperkenalkan pada 2009 melalui Saham Wakaf Selangor dan dinamakan semula melalui Skim Infaq, sambutan yang diterima kurang memberangsangkan."

Ramli

RM5 sebulan.

Beliau berkata, objektif yang ingin dicapai melalui program adalah menyuar masyarakat untuk menghayati dan mengamalkan ibadah wakaf serta menjadi penggerak kepada ekonomi umat Islam.

Semalam, PWS menganjurkan Wacana Intellektual Wakaf dan pe-

lancaran Skim Infaq kepada lebih 200 wakil kakitangan Kerajaan Negeri setiap daerah di Masjid Negeri.

Majlis dirasmikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi. Hadir sama Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohd Adzib Mohamad Isa.

SINAR HARIAN 3/8/2011

Apa kata hadirin

"FORUM ini memberi kesedaran akan pentingnya umat Islam berwakaf untuk pembangunan negara dan ekonomi umat. Banyak atau sedikit jumlah wakaf itu bukan ukuran kerana yang penting adalah keikhlasan melaksanakannya. Bagi yang berakal, diok berwakaf wang secara potongan gaji kerana pahalanya akan mengalir sehingga hari kiamat."

—MOHD. IRIS SALAM
Pegawai Kerjiaan

"GENERASI hari ini tidak ramai yang ada tanah untuk diwakafkan. Jadi program hari ini memberi pendedahan kepada kita mengenai bentuk-bentuk wakaf baru yang boleh dilaksanakan. Saya yakin, ramai di kalangan kita mampu berwakaf minimum RM10 sebulan sebagai mana kita mampu melanggan channel televisyen berbayar?"

—HAMIDUN HANIFF
Ekuokutif Swasta

"ALHAMDULILLAH, banyak ilmu baru yang saya dapat pada forum kali ini. Sudah pasti, saya juga tidak mahu ketinggalan berwakaf kerana ia terbukti boleh membangunkan ekonomi umat Islam. Saya harap program semacam ini dianjurkan lagi pada masa hadapan supaya lebih ramai mendapat maklumat tentang hal wakaf."

—TURISHI SUTIHAN
Rakutangan Swasta

Sememangnya telah terbukti dana wakaf jika diurus dengan baik boleh memberi banyak manfaat kepada umat Islam di seluruh dunia



Ganjaran wakaf sehingga kiamat

Ragam & Pengajaran

Oleh MOHD. RADZI MOHD. ZIN

ORANG tua-tua dahulu sering berkata mereka menanam pokok buah-buahan untuk anak cucu. Maknanya, walaupun mereka mungkin tidak dapat menikmati hasilnya tetapi ia akan dapat dinikmati oleh waris mereka.

Demikian jauh wawasan golongan datuk nenek kita. Fenomena itu kerana sebahagian besar mereka tidak mempunyai wang untuk diwakafkan.

Kini, senarainya sudah jauh berubah. Walaupun kita tidak mempunyai tanah, majriti umat Islam mempunyai wang yang boleh diwakafkan. Seterusnya boleh diinkubasi manfaat dan pahalanya semasa kita hidup sehinggalah hari kiamat.

Demikianlah bebanya peranan dan fungsi wakaf jika diamalkan oleh umat Islam. Malah, hasil wakaf itu juga bakal membantu pewakaf selepas mereka meninggal dunia.

Isa selagimana sabda Nabi SAW yang bermaksud: Apabila mati anak Adam, akan berhitung amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (derma yang diwakafkan), ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang mendidiknya. (Riwayat Muslim)

Wakaf berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud menghentikan atau menahan.

Dalam istilah fiqh, wakaf ditakrifkan sebagai harta yang dihentikan pemilikan serta ditahan oleh pemiliknya bagi tujuan tertentu dari sudut syarak untuk dinikmati oleh Allah, dengan sekira-kira dapat mengelakkan penggunaannya daripada dijual atau dimiliki individu lain.

Amalan berwakaf juga disebut sebagai

sumbangan, sedekah jariah, infak dan derma.

Sedaya, apakah wakaf itu hanya untuk orang kaya atau orang yang banyak tanah dan ladangnya untuk beratus hektar?

Penyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Don Danyal Don Bijayil menjelaskan, wakaf bukan untuk orang kaya sahaja sebaliknya ia terbuka kepada semua umat Islam.

Untuk itu, katanya, umat Islam di negara ini perlu mengambil peluang melaksanakan baidat wakaf melalui pelbagai cara dan agensi yang diwujudkan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri termasuk Perbadanan Wakaf Selangor.

"Kita perlu menyusun strategi supaya wakaf itu boleh menjadikan kita bukan sahaja kaya akibat tetapi juga kaya dunia kerana ia boleh meningkatkan sosio ekonomi umat," katanya.

Berikut beberapa contoh pada Forum Perdana Sempena Bulan Wakaf Negeri Selangor bertajuk *Wakaf: Kaya Dunia, Kaya Akhirat* di Masjid An-Nur, Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor baru-baru ini.

Serang lagi panel ialah pendakwah bebas, Hasnul Bahri maula moderator ialah Ekuokutif Pemasaran (Daerah) Perbadanan Wakaf Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Ibnu Hibban Al-Azhar.

Don Danyal berkata, umat Islam juga tidak perlu bingung harta mereka akan berkurang apabila mereka berwakaf.

Katanya, hal itu telah dijelaskan menerusi firman Allah dalam ayat 261 surah al-Baqarah yang antara lain bermaksud: *Handungan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (perbelanjaan derma) adalah seperti air yang mengalir dari sumber yang tidak terputus mengalir terus mengalir dan mengalir terus mengalir.*

"Pendek kata, orang yang sanggup

merewakafkan harta yang dicintainya ke jalan Allah, pasti akan melekatkan dirinya pada darjat yang mulia di sisi Penciptanya sebagai mana dinyatakan dalam ayat 92 surah al-Imran," katanya.

Sementara itu, Hasnul berkata, beliau adalah contoh hasil yang diperoleh daripada wakaf kaum Muslimin.

Katanya, ini kerana beliau dapat menuntut ilmu selama tujuh tahun di Pakistan adalah hasil dari wakaf orang ramai.

Jadi tuan-tuan yang datang pada malam ini untuk mendengar forum akan mendapat pahala. Bukan itu sahaja, orang yang menyayangi saya menuntut ilmu diuji pun mendapat pahala.

"Sebabnya, hasil yang mereka saya menjadi pendakwah. Apabila saya melakukan kebaikan seperti berceramah dan menyampaikan ilmu, maka mereka juga mendapat pahala," katanya.

Menurut Hasnul, harta dan kekayaan yang dihayangi dan dimiliki manusia bukanlah milik mereka sebenarnya.

"Harta dan kekayaan itu semuanya adalah hak Allah, manusia hanya diberi amanah menjaganya sementara."

"Bayangkan jika setiap orang Islam mewakafkan RM10 sebulan, dalam setahun berapa banyak yang dapat kita kumpulkan dan dapat digunakan untuk membangunkan ekonomi umat," katanya.

Dana wakaf

Sememangnya telah terbukti dana wakaf jika diurus dengan baik boleh memberi banyak manfaat kepada umat Islam di seluruh dunia.

Antara hasil dana wakaf yang telah disalurkan untuk Islam global adalah pendidikan di Universiti al-Azhar, Mesir.

Di universiti tersebut itu, dana wakaf

menjadi sumber utama pembiayaan operasi dan pelajarnya hanya perlu memberi sumbangan yuran yang paling minimum.

Malah semasa kegawatan ekonomi, dana wakaf Al-Azhar dikatakan mampu memberikan sumbangan langsung kepada kerajaan Mesir bagi menstabilkan kedudukan ekonomi negara (Mohamad Rizki, 2010).

Begitu juga dengan beberapa universiti dan sekolah pengajian universiti di Amerika Syarikat dan England. Pada tahun 1264, Walter de Merton yang pernah bertugas sebagai Canselor Raja England di Jerusalem menubuhkan Kolej Merton di University Oxford melalui dana mengikut konsep wakaf (endowment).

Forum yang diadakan pada pukul 9.15 malam itu menarik kira-kira 2,000 hadirin yang memenuhi setiap ruang letak kereta dan beranda Masjid An-Nur.

Ia adalah anjuran Perbadanan Wakaf Selangor MAIS, Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor dengan kerjasama Rukun Tetangga Saujana Utama, Rela Saujana Utama dan Sri Pristana serta Masjid An-Nur.

Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut memberi

sumbangan penajaan makanan pada majlis tersebut.

Perbadanan Wakaf Selangor turut membuka kaunter bagi membolehkan orang ramai berwakaf termasuk melalui potongan gaji.

Pada majlis itu, majoriti hadirin terutama kanan-kanan dan remaja begitu teruja dan tidak mahu melepaskan peluang bergambar dan mengambil autograf Don Danyal.

Beliau adalah pendakwah yang semakin diminati dan juga popular menerusi program 30 Minit bersama Ustaz Don yang disiarkan menerusi televisyen

Al-Hijrah.

Sementara itu, nazir masjid, Harun Abd. Rahman mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan juga ahli karlah yang menghadiri forum tersebut.

Katanya, ini adalah kali keempat masjid menganjurkan forum termasuk forum khas untuk golongan muslimat tahun lalu.

"Bagaimanapun, kali ini bilangan yang hadir adalah paling ramai termasuk kanak-kanak dan remaja yang mahu bertemu dengan Ustaz Don Danyal," katanya.



HARUN ABD. RAHMAN
Don Danyal, katanya.



SEBAGIAN hadirin pada Forum Perdana Sempena Bulan Wakaf Negeri Selangor di Masjid An-Nur, Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor, baru-baru ini.

BERBEZA dengan kutipan zakat, wakaf dapat diperuntukan bagi tujuan yang lebih menyeluruh kepada semua

BERBEZA dengan kutipan zakat, wakaf dapat diperuntukan bagi tujuan yang lebih menyeluruh kepada semua



Kelolaan MOHD. SHAH CHE AHMAI
Gambir HAFIZ JIHAB

SEJARAH telah membuktikan Islam pernah mencapai zaman kegemilangan ekonomi yang sangat hebat. Hinggakan tiap seorangpun yang layak menerima zakat kerana tahap kemiskinan adalah sifar.

la berikutan perancangan ekonomi yang sistematik dan teliti yang dijalankan oleh pemerintah Islam pada zaman tersebut, di samping mengaplikasikan amalan ekonomi Islam dalam kehidupan masyarakat.

Salah satu daripadaanya adalah amalan wakaf. Al-Qurtubi berpendapat wakaf ialah menguarhkan harta yang murni dan tidak diganggu ke jalan yang direstui oleh Allah SWT dengan tujuan menghampirkan diri kepadaNya.

Wakaf bukan sesuatu yang baru untuk diperkenalkan. Malah ia telah wujud sejak dari era pemerintah sahabat dan tabiin dan terbukti ia berkesan. Ia sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah SWT menerusi ayat di atas.

Wakaf merupakan kemuncak kepada wawasan wakaf pada zaman Khalifah

Uthmaniyyah yaitu, "Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca

buku yang diwakafkan, mengantar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf, dan akhirnya bila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf."

Penubuhan PWS

Sebab itu kata Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Abu Bakar Yang, wakaf memang membaiki ekonomi negara.

Malah, mencontohi kegemilangan ekonomi pada zaman pemerintahan Islam , Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan nasihat Sultan Selangor , Sultan Sharafuddin Idris Shah telah menubuhkan PWS pada 1998.

FWS adalah perbadanan yang berperanan untuk menggalakkan, mendorong, membantu, mengusahakan dan memajukan usaha-usaha yang baik.

Beliu berkata, konsep menerima dan mengurus mengembangkan harta

Sebagai contoh katanya, Universitas Al-Azhar, Mesir, ditubuhkan hasil daripada kutipan wakaf. Kini, pelajar yang menyambung pelajaran di universiti Islam tertua itu hanya perlu membayar yuran pada kadar yang minimum sahaja.

harta wakaf diuruskan dan dikembangkan untuk manfaat masyarakat dengan cara melakukan kitaran pendapatan pada hasil harta

"Tidak mustahil juga di negara ini dengan kutipan wakaf yang disumbangkan mampu menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang mengamalkan sistem ekonomi Islam dengan gemilang. Tidak mustahil pelajar tidak dikenakan bayaran dengan tertubuhnya sekolah wakaf,

Selain menerima dan menguruskan kutipan harta wakaf, PWS turut berfungsi sebagai agensi penyelaras dalam pelaksanaan kemajuan pembangunan harta dan produk wakaf secara pesat serta melaksanakan kajian dan pembangunan di dalam semua aspek harta dan produk wakaf.

Abu Bakar berkata, berbeza dengan kutipan zakat, harta yang dilihat lebih memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara kerana ia boleh dimanfaatkan tanpa batasan selagi tidak menyalahi hukum syarak.

Walaupun zakat juga memainkan peranan untuk pembangunan ummah, tetapi ia terbatas kepada golongan sasaran sahaja iaitu lapan lapan golongan asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran dan perlu diagihkan segera pada tahun yang sama.

"Akan tetapi, harta wakaf berkeluasan dan memberi manfaat berpanjangan kepada seluruh masyarakat dengan cara terus

INSTITUSI MALAYSIA KHAMIS 21 JUN 201

Rahsia kejayaan ekonomi Islam



BERENDAH RM5 sebulan, orang ramai boleh mewakafkan harta melalui kaedah pemotongan gaji atau skim Infaq yang diperkenalkan PWS.

pendapatan pada hasil harta wakaf tersebut," jelasnya.

Hikmah wakaf

untuk dijadikan tapak perkuburan atau masjid sahaja. "Sebenarnya wakaf adalah luas. Insan memberi wakaf tidak

Nagalanima
 atau Abu Bakar, misi
 ini tidak dibayar
 dengan uang, hanya
 dengan semangat
 dan keikhlasan. Dalam
 riwayat lain disebutkan,
 "Ramai di kalangan
 umat Islam
 yang masih
 belum menyedari
 hakikat kepentingan
 dan hikmah wakaf"
 "Begitu juga
 sentiasa ada orang
 Islam yang mengatakan
 untuk memberi wakaf
 itu harta yang banyak
 dan mewah. Sama ada
 itu benar atau tidak
 memanglah benar, tetapi
 itu bukanlah satu
 syarat. Yang penting
 adalah dengan apa
 yang kita wakafkan, itu
 akan menentukan
 apakah ia akan
 memberi manfaat
 kepada masyarakat
 atau sebaliknya."
 Tambahnya, di
 kalangan masyarakat
 agama lain juga
 terdapat mengemalkan
 konsep seperti
 konsep wakaf. Contohnya
 di Amerika Syarikat,
 beberapa orang Islam
 yang hebat dan gah,
 seperti bekas Perdana
 Menteri Malaysia, Dato'
 RMS Subhan, orang
 ramai turut boleh
 menyumbang
 mewakafkan harta yang
 berharga pembangsaan

KETUA Pegawai Eksekutif PWS, Abu Bakar yang pertama, menurut Skim Infaq yang dilaksanakan telah memudahkan pekerja untuk memberi sumbangan kepada PWS.

"Keputusan persidangan Majlis Jawatankuasa Kerja Kebangsaan bagi Hal Ehdar Agama Islam yang diadakan pada 15 Januari 2010 telah memutuskan bentuk wang tunai adalah dibolehkann di dalam infaq," katanya.

Manakala bagi syarikat pula katanya, PWS melancarkan Skim Sadaqah Korporat bagi membolehkan syarikat-syarikat memberi sumbangan anak-anak syarikat melalui kerajinan (KJW) menggunakan ibadat wuduk melalui kaedah yang mudah. Beliau berkata, syarikat-syarikat dan program tanggungjawab sosial (CSR), yang berminat untuk menyertai infaq ini, boleh sebarang keputusan terhadap sesuatu yang ingin diawakikan seperti, ingin mewakikan sumbangan kepada PWS atau sebaliknya, ingin memohon sedekah di kesuntungan daripada hasil perolehan syarikat kepada PWS dan sebagainya," kata beliau.

Ujarnya lagi, individu yang memberi wakaf

Sekelompok tujuh peratus, manakala bagi Syarikat Perumahan Negara (SPN) sebanyak 10 peratus. Dalam Negeri Sembilan, sebanyak 10 peratus daripada pembangunan agregat.

Sehingga Julai tahun lalu, PWS menerima sebanyak 1016.6321 etak tanah di seluruh negeri. Jumlah projek yang telah selesai ialah 142,775.7543 kutipan tanah wakaf. Selanjutnya pada tahun lalu perbandingan hanya RM6944,579.41 pada 2010.

Tanah hasil sumbangan wakaf itu, beberapa projek telah selesai dibina. Antaranya ialah pembinaan Sekolah Rendah Agama Pulau Nanti, Klang yang bernilai RM2 juta. Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Taman Bandaran Seri Alam, Shah Alam bernilai RM1.5 juta, membina satu unit lot kedai di Bukit Jelutong, Shah Alam bernilai RM1,600,000.00 dan banyak lagi.

Manakala dalam pembangunan dalam projek awam termasuk Masjid Tengku Ampuan Nur Zahirah, Bukit Mertajam bernilai 142 juta dan pembinaan

Madrasah Tahfiz
Miftahul Uloom
di Kuala Langat,
Selangor.



YURAN pembelajaran dapat diminimumkan dengan tertubuhkan sekolah atau institusi pengajian berasaskan sumber kutipan dan perkhidmatan wakaf.

PWS jalin kerjasama dengan ejen

ABU Bakar Yang (kanan) menyerahkan cenderahati kepada Syaritz Abdul Rahim selepas majlis menandatangani Perjanjian Ejen Terlimaan Sumbangan PWS hari-hari ini.

DALAM usaha memudahkan masyarakat untuk menyumbang wakaf, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mengadakan majlis Menandatangani Perjanjian Ejen dan Lantikan Ejen, baru-baru ini.

Ejen tersebut terdiri daripada 12 ejen persendirian dan sembilan ejen korporat yang ditubuhkan oleh PW untuk bekerjasama berkhidmat sebagai ejen Terimaan Sumbangan PWS.

Penolong Eksekutif Pemasaran dan Dakwah, Korporat PWS, Shahid Ashraf Jamaludin berkata, antara tujuan Ejen Terimaan Sumbangan PWS ditubuhkan adalah bagi memudahkan orang ramai untuk berwakaf di samping mengambil peluang yang ganjarannya adalah untuk akhirat kelak.

"Bagi ejen korporat, kebajikan masyarakat adalah berlatarbelakangkan syarikat Tax Consultant. Kerjasama ini dibuat bagi memperolehi ganjaran seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada orang yang mewakafkan harta di jalan-Nya di samping layak untuk

Peristiwa

pelepasan cukai. Bagi individu sebanyak tujuh peratus manakala syarikat sebanyak 10 peratus.

"Di samping itu juga syarikat boleh jadikan wakaf ini sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk keajikan dan peningkatan ekonomi umat Islam."

— Dr. M. M. Yusoff, FAMA

Sementara itu, Pengarah Urusan PHBM Global Corporation Sdn. Bhd. (PGC), Syarif Abdul Rahim berkata, lantikan ejen ini adalah salah satu anjakan paradigma bagi meluaskan skop untuk berwakaf.

"Dalam era yang serba moden ini ramai yang tidak tahu apa itu wakaf, apa kelebihan wakaf dan seumpamanya jadi kami disini sebagai ejen korporat akan bersama-sama FWS untuk meluaskan ibadah wakaf ini kepada semua unit organisasi khususnya di Negeri Selangor."

"Strategi di PGC kita akan

meluaskan ke semua badan-badan berkanun yang berdaftar di bawah PGC untuk berwakaf melalui Skim Infq (potongan gaji) kepada semua staf. Terdapat 92 badan berkanun dan jumlah keseluruhan staf sebanyak 500 ribu orang di bawah PGC yang akan kita menguar-uarkan untuk menyertai Saham Wakaf Selangor katanya," katanya.

Dalam pada itu, bagi ejen persendirian pula, Ibrahim Seman

Manfaat, kegunaan dan ejen ini adalah sangat penting dalam meningkatkan kualiti pautan, bagaimanapun perlu di berikan kursus kepada ejen untuk mempertingkatkan ilmu dan kefahaman berkaitan wakaf.

Ragi masyarakat yang ingin berwakaf harusnya di Selangor boleh hubungi dengan ejen yang dilantik atau layari laman web Perbadanan Wakaf Selangor

www.wakafselangor.gov.my atau di talian 03-5514378.

Mana-mana syarikat yang ingin melakukan ibadah wakaf untuk dijadikan sebagai CSR boleh berhubung terus dengan Shahrul di

Umat Islam digalak berwakaf

SHAH ALAM: Umat Islam termasuk yang bukan golongan berada digalakkan menyumbang wakaf wang tunai kerana pahala diperoleh juga sama dengan wakaf harta.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid, berkata kerana pahala memberi sumbangan wakaf wang tunai sama dengan harta wakaf disumbangkan umat Islam yang lebih berada dan berkemampuan, asalkan apa yang diwakafkan adalah harta disayangi.

Katanya, penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menggalakkan umat Islam di negeri ini untuk mewakafkan wang tunai yang kemudian boleh dihimpunkan untuk membeli harta

wakaf kekal.

"Wakaf lebih umum kerana penggunaan wang atau harta yang diwakafkan lebih meluas dan terbuka berbanding wang zakat yang perlu diagihkan kepada asnaf. Harta yang diwakafkan sebaliknya boleh digunakan untuk semua golongan tanpa mengira latar belakang kerana keutamaannya adalah untuk orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Bulan Wakaf Selangor di Masjid Negeri, di sini semalam yang turut dihadiri Timbalan Pengerusi PWS, Datuk Ibrahim Md Yusof. PWS turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan penceramah terkenal, Don Daniyal Biyajid yang dilantik Duta Wakaf



Mohd Tamyas Abdul Wahid

perbadanan itu.

Sementara itu, Mohd Tamyas berkata, individu yang mewakafkan harta sudah tidak mempunyai hak terhadap harta berkenaan atau cara ia digunakan selain tidak boleh mengambilnya semula jika tidak berpuas hati dengan cara ia diuruskan.

28/6/2012 Berita Harian

© JUMAAT 28 SEPTEMBER 2012

BH

Wakaf Selangor Muamalat dilancar

» Sasar kumpul dana RM50j dalam tempoh tiga tahun

Oleh Aizuddin Sapian
aizuddin@bharian.com.my

► Shah Alam

Bank Muamalat Malaysia Bhd yang melancarkan Perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat, menyasar mengumpul dana wakaf RM50 juta dalam tempoh tiga tahun, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid.

Ia adalah perkhidmatan baru bank Islam itu bagi membolehkan lebih ramai rakyat di negara ini menyumbangkan wang mereka kepada dana wakaf berkenaan untuk membiayai ak-

INFO

Wakaf Selangor Muamalat

• **RM1.07 juta** dana Wakaf Selangor Muamalat

• **RM50 juta** sasaran sumbangan wakaf dalam tiga tahun

lat serta kakitangannya. Wakaf yang dibentuk dengan kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) itu adalah pengurusan

tiviti kebajikan.

Buat masa ini, katanya Wakaf Selangor Muamalat mempunyai dana RM1.08 juta yang disumbangkan oleh Bank Muamalat

serta kakitangannya. Wakaf yang dibentuk dengan kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) itu adalah pengurusan

wakaf pertama di negara ini yang ditadbir selia oleh bank.

Sasaran dana wakaf

Mohd Redza berkata, sasaran pengumpulan dana wakaf sehingga RM50 juta itu adalah daripada individu dan korporat sepanjang tempoh dua ke tiga tahun.

Bagaimanapun, katanya, pencapaian sasaran itu turut bergantung kepada kesediaan

orang ramai dan syarikat korporat untuk melakukan sumbangan bagi tujuan wakaf.

"Sumbangan akan diuruskan berdasarkan nisbah 40:30:30 yang mana 40 peratus akan dilaburkan bagi memastikan kesinambungan dana wakaf ini, 30 peratus digunakan untuk tujuan pendidikan seperti biasiswa dan baki 30 peratus lagi untuk tujuan kesihatan," katanya.



Sultan Sharafuddin melancarkan Wakaf Selangor Muamalat di Hotel Concorde. Turut hadir Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Tan Sri Datuk Dr Muhd Munir Abdul Majid (dua dari kanan).

(FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH)



Tingkat kesedaran wakaf

Program Bumi, PWS adalah rentetan kejayaan program Bulan Wakaf Selangor

DALAM usaha meningkatkan kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap Saham Wakaf Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) melancarkan kempen Bulan Mesra Industri (Bumi).
Kempen yang diadakan sepanjang bulan Oktober, November dan Disember itu menumpukan kepada golongan industri, korporat, syarikat untuk mengetahui mengenai wakaf dan dalam masa sama mengajak mereka menyertai Sahabat Wakaf Korporat.
Penolong Eksekutif Pemasaran dan Dakwah (Korporat) PWS, Shahrul Ashraf Jamaludin berkata, melihat kejayaan program Bulan Wakaf Selangor pada bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan baru-baru ini, PWS terus mengorak langkah dengan melancarkan Bumi.
"Program ini merupakan satu langkah berterusan dakwah PWS dalam memberi pendedahan kepada industri, syarikat swasta, korporat serta anak syarikat kerajaan negeri



Peristiwa

Selangor dan Persekutuan mengenai kepentingan ibadah wakaf melalui Saham Wakaf Selangor.
"Diharapkan kempen Bumi dapat membantu meningkatkan penerimaan pelbagai agensi dalam menyertai Sahabat Wakaf Korporat, PWS dalam menjadikan dana wakaf yang terkumpul sebagai sumber dalam memajukan pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam," katanya.
Antara pengisian yang akan dilaksanakan sepanjang program Bumi adalah forum dan khutbah berkelompok yang melibatkan sebanyak 45 masjid di sekitar kawasan industri. Di samping itu, program bersama agensi turut diadakan seperti program-program penerangan, bengkel, kursus dan seminar yang dilaksanakan untuk golongan korporat, institusi dan swasta dalam mempergiatkan kempen.
Shahrul berkata, PWS berharap setiap program yang dirancang akan mencapai objektif bagi menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah.

Karangkraf jadi rakan media PWS



Pengarah Urusan Karangkraf, Datuk Hussamuddin Yaacob (tujuh, kanan) menerima kunjungan PWS yang diketuai Abu Bakar (enam, kanan), semalam.

SHAH ALAM - Kumpulan Media Karangkraf (Karangkraf) bersetuju menjalin kerjasama dengan bertindak sebagai rakan media kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Komitmen itu diberikan kerana ingin melihat lebih ramai umat Islam melakukan

amal jariah seperti dilaksanakan PWS.

Persetujuan dibuat sewaktu menerima kunjungan daripada PWS yang diketuai Abu Bakar Yang, semalam. Abu Bakar berkata, kempen amal jariah lebih berkesan dengan menggunakan medium *Sinar Harian*

dan 29 majalah terbitan Karangkraf.

Selain itu Karangkraf juga bersetuju melakukan kempen dalaman dan menggalakkan kakitangannya yang ikhlas untuk menginfakkan menerusi kemudahan pemotongan gaji bagi menyokong Saham Wakaf.